

## SURAH PENGAMPUNAN



Surah: 9 Juzuk: 10/11 Bil. Ayat: 129

1. (Inilah pernyataan) pemutusan perhubungan daripada Allah dan RasulNya terhadap kaum musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian (dengan mereka).
2. Maka kamu (kaum musyrik) bebas bergerak di muka bumi selama empat bulan dan ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah menghina orang yang kafir.
3. Dan inilah pengisytiharan daripada Allah dan RasulNya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar<sup>(1)</sup>, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya berlepas diri daripada kaum musyrikin. Oleh itu jika kamu bertaubat maka taubat itu adalah baik bagi kamu dan jika kamu berpaling, maka ketahuilah sesungguhnya kamu tidak akan dapat melemahkan Allah. Dan khabarkanlah berita gembira kepada orang kafir (bahawa mereka akan ditimpakan) azab yang pedih.

بَرَاءَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ  
مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

فَيَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَلِمُوا  
أَنَّكُمْ عِبْرَةٌ مِّمَّ عَجَزِيَ اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ مُخْزِي  
الْكَافِرِينَ ﴿٢﴾

وَإِذْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَدَأَهُمْ  
الْحَجَّ الْأَكْبَرُ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ  
وَرَسُولُهُ فَإِنْ تُبْتِمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَإِنْ  
تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ عِبْرَةٌ مِّمَّ عَجَزِيَ اللَّهُ  
وَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾

1 Haji yang terjadi pada tahun ke-9 Hijrah.

4. Kecuali mereka yang kamu mengikat perjanjian setia (dengannya) daripada orang musyrik, kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikit pun dan mereka tidak menolong seorang pun yang memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian mereka sehingga cukup tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihani orang yang bertaqwa.
5. Kemudian apabila habis bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, tawanlah dan kepunglah serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat persembunyiannya. Kemudian jika mereka bertaubat dan mendirikan solat serta menunaikan zakat, maka biarkanlah mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
6. Dan jika seseorang daripada kaum musyrikin meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka lindungilah dia agar dia dapat mendengar firman Allah, kemudian hantarkanlah dia ke tempat yang aman baginya. Demikian itu kerana mereka kaum yang tidak mengetahui.

إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ  
يَنْقُصُواكُمْ شَيْئًا وَوَدَّ يَظَاهَرُوا بِعَيْتِكُمْ أَحَدًا  
فَأْتِمُوا إِلَيْهِمْ عَاهِدَهُمْ إِلَىٰ مَدِينِهِمْ إِنَّ اللَّهَ  
يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ﴿٩﴾

فَإِذَا أَسْلَمَ الْأَشْهُرُ الْحُرْمُ فَأَقْتُلُوا  
الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ  
وَاحْصُرُوهُمْ وَأَقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ  
فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ  
فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

وَإِن أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ  
فَأَجْرُهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلِمَةَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ  
مَأْمَنَهُ ۗ وَذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

7. Bagaimana mungkin ada perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan RasulNya dengan orang musyrikin? Kecuali orang yang kamu telah mengikat perjanjian dengan mereka berdekatan dengan Masjidil Haram. Maka selagi mereka jujur terhadap kamu, hendaklah kamu jujur kepada mereka. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertaqwa.
8. Bagaimana mungkin (ada perjanjian di sisi Allah dan RasulNya dengan orang musyrikin) sedangkan jika mereka dapat mengalahkan kamu, mereka tidak akan memelihara hubungan kerabat dengan kamu dan tidak menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, namun hati mereka menolaknya. Kebanyakan mereka adalah orang yang fasiq.
9. Mereka menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sangat murah, lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang lain) daripada agama Allah. Sesungguhnya sangat buruk apa yang mereka telah lakukan.
10. Mereka tidak memelihara pertalian kerabat dan perjanjian terhadap orang yang beriman, mereka itulah orang yang melampaui batas.

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِنْدَ اللَّهِ  
وَعِنْدَ رَسُولِهِ إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ عِنْدَ  
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ فَمَا اسْتَقْتَمُوا لَكُمْ  
فَأَسْتَقِيمُوا لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ  
الْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا  
فِيكُمْ إِلَّا أَلْوَابًا يُرْوِنُوكُمْ  
يَافُوهُمِهَا وَتَأْتِي قُلُوبُهُمْ وَأَكْفُرُهُمْ  
فَلَيْسِقُونَ ﴿٨﴾

أَشْتَرُوا بِعَايَتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَن  
سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا  
يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

لَا يَرْقُبُونَ فِي مُؤْمِنٍ إِلَّا أَلْوَابًا  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

11. Maka jika mereka bertaubat dan mendirikan solat serta menunaikan zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama. Kami menjelaskan ayat-ayat Kami bagi kaum yang mengetahui.
12. Dan jika mereka mencabuli sumpahnya selepas mengikat perjanjian dan mereka pula mencaci agama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, semoga mereka berhenti.
13. Mengapa tidak kamu memerangi suatu kaum yang telah mencabuli sumpah janji mereka, sedangkan mereka telah berazam hendak mengusir Rasulullah dan merekalah juga yang mula-mula memerangi kamu? Adakah kamu takut kepada mereka kerana Allah jualah yang berhak kamu takuti jika kamu memang orang yang beriman.
14. Perangilah mereka, pasti Allah akan menyeksa mereka dengan (perantaraan) tangan kamu dan Allah akan menghina mereka serta menolong kamu menewaskan mereka dan Dia akan menenangkan hati orang yang beriman.

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا  
الزَّكَاةَ فَخَلُّوا نَكُمْ فِي الدِّينِ ۗ  
وَنُفِصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

وَإِنْ تَكْفُرُوا أَيَّمَا فِئْتِمِهِمْ  
بَعْدَ عَهْدِهِمْ  
وَطَعْنُوا فِي دِينِكُمْ فَقَاتِلُوا أَيْمَةَ الْكُفْرِ  
إِنَّهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ۗ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ ﴿١٢﴾

أَلَا تَقَاتِلُونَ قَوْمًا نَكَثُوا أَيْمَانَهُمْ  
وَهُمْ جَاهِلُونَ الرِّسَالَ وَهُمْ  
بَدَّوْكُمْ أَوْلَ مَرَّةٍ أَخَشَوْهُمْ فَاَللَّهُ  
أَحَقُّ أَنْ تَخْشَوْهُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

فَقَاتِلُوهُمْ بَعْدَ بُيُوتِهِمْ اللَّهُ يَأْيِدُكُمْ  
وَيُخْزِيهِمْ وَيَبْصُرُ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ  
قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

15. Dan Dia juga akan menghapuskan kebimbangan hati orang yang beriman itu. Allah juga akan menerima taubat sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
16. Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan dibiarkan (dalam keadaan kamu itu) sedangkan belum lagi terbukti kepada Allah orang yang berjihad antara kamu dan yang tidak mengambil sekutu (untuk mencurahkan rahsia), selain daripada Allah dan RasulNya serta orang yang beriman? (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa yang kamu lakukan.
17. Tidaklah layak orang kafir musyrikin itu memakmurkan masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itulah orang yang rosak amalannya dan mereka kekal di dalam neraka.
18. Bahawasanya orang yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat serta tidak takut kecuali kepada Allah. Maka mereka diharapkan menjadi golongan orang yang mendapat hidayah.

وَيُدْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَيَّ  
مَنْ يَبْشَأْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُتْرَكُوا وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ  
جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ  
وَلَا رَسُولِهِ وَلَا الْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً  
وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ  
شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكَفْرِ أُولَئِكَ  
حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ  
خَالِدُونَ ﴿١٧﴾

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى  
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا لِلَّهِ فَعَسَىٰ أُولَئِكَ  
أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

19. Adakah kamu menyangka perbuatan memberi minum kepada orang yang menunaikan haji dan memakmurkan Masjidil Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah dan Allah tidak memberikan hidayah kepada kaum yang zalim.
20. (Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang yang berjaya.
21. Mereka digembirakan oleh Tuhan mereka dengan pemberian rahmat daripadaNya dan keredaan serta syurga-syurga. Mereka mendapat di dalamnya nikmat kesenangan yang kekal.
22. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah menyediakan di sisiNya pahala yang besar.
23. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan nenek moyang kamu dan saudara mara kamu sebagai pemimpin-pemimpin jika mereka memilih kekufuran dengan meninggalkan iman. Sesiapa di antara kamu

﴿أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾﴾

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾﴾

﴿يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُمْ بِرَحْمَةٍ مِنْهُ وَرِضْوَانٍ وَجَّاتٍ لَهُمْ فِيهَا نَعَبٌ مُّتَقِيمٌ ﴿٢١﴾﴾

﴿خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا إِنْ لَمْ يَكُنْ عِنْدَهُ وَءَاجِرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٢﴾﴾

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا ءَابَاءَكُمْ وَءِخْوَانَكُمْ ءَوْلِيَاءَ إِنْ أَسْتَحَبُّوا الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾﴾

yang menjadikan mereka pemimpin kamu, maka mereka itulah orang yang zalim.

24. Katakanlah: «Jika nenek moyang kamu, anak-anak kamu, saudara mara kamu, isteri (atau suami) kamu, kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya serta (lebih daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azabNya) kerana Allah tidak akan memberi hidayah kepada orang yang fasiq.

25. Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak peperangan, namun begitu (kamu tewas) di medan perang Hunain<sup>(1)</sup>, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai. Maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun. (Semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu, kemudian kamu berundur melarikan diri.

قُلْ إِنْ كَانَتْ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ  
وِإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ  
وَأَمْوَالٌ أُقْتَرَفَتْ مِنْهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ  
كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَ الْحَبَّ  
إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي  
سَبِيلِهِ فَتَرْتَضُونَ حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرٍ  
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٤٤﴾

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ  
حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبْتَكُمْ أَنْ تَقُولُوا  
فَلَمْ نُعِنِكُمْ أَمْ شِئْنَا وَصَافَتْ عَلَيْكُمْ  
الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُمْ مُدْبِرِينَ ﴿٤٥﴾

1 Peperangan ini terjadi pada bulan Syawal tahun ke-8 Hijriyah. Sebabnya, karena para pemimpin suku Hawazin dan Tsaqif merasa tidak senang melihat kemenangan yang diberikan Allah kepada RasulNya dan kaum Muslimin yang telah berhasil menakluki kota Makkah dan bangsa Quraisy.

26. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada RasulNya, orang yang beriman dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya serta Dia menyeksa orang kafir. Yang demikian itu ialah balasan bagi orang yang kafir.
27. Kemudian Allah menerima taubat daripada orang yang dikehendakiNya. (Ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
28. Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya orang musyrik itu najis<sup>(1)</sup>, maka janganlah mereka menghampiri Masjidil Haram<sup>(2)</sup> selepas tahun ini<sup>(3)</sup> dan jika kamu bimbangkan kepapaan<sup>(4)</sup>, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu daripada kurniaanNya jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
29. Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka yang tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, serta tidak beragama dengan agama yang benar iaitu daripada orang yang diberikan

ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَةً عَلَى رَسُولِهِ  
وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا  
وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَأَذَلَّكَ جَزَاءَ  
الْكَافِرِينَ ﴿٦٦﴾

ثُمَّ يَتُوبُ اللَّهُ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَلَى مَنْ  
يَشَاءُ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٦٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ  
نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ  
بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا وَإِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً  
فَسَوْفَ يُغْنِيكُمْ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ  
إِنْ شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٨﴾

فَلِتَرَوْا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا  
بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ  
اللَّهُ وَرَسُولُهُ، وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ  
مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا  
الْحِزْبَ عَنِ يَدِهِمْ صَغِيرُونَ ﴿٦٩﴾

1 Jiwa orang musyrikin itu dianggap kotor kerana mempersekutukan Allah s.w.t.

2 Tidak dibenarkan mengerjakan haji dan umrah.

3 Selepas tahun ke-9 Hijriyah.

4 Disebabkan orang musyrikin tidak mengerjakan haji dan umrah, sehingga mata pencarian orang muslim boleh jadi berkurang.



al-Kitab<sup>(1)</sup> sehingga mereka membayar «jizyah<sup>(2)</sup>» dalam keadaan taat dan merendah diri.

30. Orang Yahudi berkata: «Uzair ialah anak Allah» dan orang Nasrani berkata: «Al-Masih ialah anak Allah». Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (iaitu) mereka menyamai perkataan orang kafir dahulu. Semoga Allah membinasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling daripada kebenaran?
31. Mereka menjadikan pendeta dan ahli agama<sup>(3)</sup> mereka sebagai tuhan selain daripada Allah dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam<sup>(4)</sup>, sedangkan mereka tidak diperintahkan kecuali untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa. Tiada Tuhan selain Dia. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan.
32. Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan cahayaNya, sekali pun orang kafir tidak menyukainya.

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ  
وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ  
ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضِلُّهُنَّ  
قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ قَلَّتْ لَهُمْ  
اللَّهُ أَنْ يُوَفَّقُوا ۝٣٠

اتَّخَذُوا أَحْبَابَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا  
مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ  
وَمَا أُمُّرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا  
وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ  
عَمَّا يُشْرِكُونَ ۝٣١

يُرِيدُونَ أَنْ يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ  
وَيَأْتِي اللَّهُ إِلَّا لَأَنْ يَتَّخِذَ مِنْهُمْ  
الْكَافِرُونَ ۝٣٢

1 Kaum Yahudi dan Nasrani.

2 Jizyah ialah cukai kepala yang dipungut oleh pemerintah-pemerintah Islam daripada orang yang bukan Islam sebagai balasan bagi jaminan keamanan mereka.

3 Kaum Yahudi dan Nasrani.

4 Nabi Isa a.s.

33. Dialah yang telah mengutuskan RasulNya (Muhammad) dengan membawa hidayah dan agama yang benar untuk dimenangkan dan ditinggikannya mengatasi semua agama yang lain, walaupun orang musyrik tidak menyukainya.
34. Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya ramai di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah. (Ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah berita gembira kepada mereka dengan azab yang pedih.
35. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka Jahannam, lalu diselar dengannya dahi dan rusuk serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): «Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah (azab) daripada apa yang kamu simpan itu».
36. Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ  
وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ  
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

﴿ بِأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا  
مِّنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآكُلُونَ  
أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبِطْلِ وَيَصُدُّونَ عَنِ  
سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ  
الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَسْفُقُونَهَا فِي  
سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ  
فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ  
وَأُظْهُرُهُمْ هَذَا مَا كَتَرْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ  
فَذُقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٥﴾

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ  
شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ

antaranya empat bulan yang dihormati<sup>(1)</sup>. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang lurus, maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya) dan perangilah kaum musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya. Ketahuilah sesungguhnya Allah bersama orang yang bertaqwa.

37. Sesungguhnya perbuatan menunda-nunda (bulan-bulan haram itu ke satu bulan yang lain) adalah menambah kekufuran. Orang kafir itu tersesat kerana mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, supaya mereka dapat menyesuaikan bilangan (bulan-bulan yang empat) yang telah diharamkan Allah (berperang di dalamnya). Dengan itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah. Perbuatan buruk mereka itu dihias indah (oleh syaitan) agar dipandang baik oleh mereka. (Ingatlah) Allah tidak memberi hidayah kepada orang yang kafir.
38. Wahai orang yang beriman! Mengapa apabila dikatakan kepada kamu: «Pergilah beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah», kamu merasa keberatan

وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكََ الَّذِينَ  
الْقِيَمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ  
وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً  
كَمَا قَاتَلْتُمُوهُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا  
أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

إِنَّمَا النَّسِيءُ زِيَادَةٌ فِي الْكُفْرِ  
يُضِلُّ بِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُجَلِّونَهُ  
عَامًا وَيُحَرِّمُونَهُ عَامًا لِيُؤْطُوا عِدَّةَ  
مَاحَرَمَ اللَّهِ فَيَجْلُوا مَا حَرَّمَ اللَّهُ  
زَيْنَ لَهُمْ سُوءَ أَعْمَالِهِمْ وَاللَّهُ لَا  
يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَا لَكُمْ إِذَا  
قِيلَ لَكُمْ ائْتِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
أَتَأْتَلُّكُمْ إِلَى الْأَرْضِ أَرْضَيْكُمْ بِالْحَيَاةِ

1 Muharram, Rejab, Zulqaa'edah dan Zulhijjah.

(dan suka tinggal menikmati kesenangan) di tempat (masing-masing)? Adakah kamu lebih suka kepada kehidupan dunia daripada akhirat? Padahal kesenangan hidup di dunia ini sangat sedikit berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak.

39. Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), Allah akan menyiksa kamu dengan azab yang pedih dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain serta kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikitpun kepadaNya. (Ingatlah) Allah Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu.
40. Jika kamu tidak menolongnya (Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sewaktu dia menjadi salah seorang daripada dua (sahabat) mereka berlandung di dalam gua, ketika dia berkata kepada sahabat<sup>(1)</sup>nya: «Janganlah engkau bersedih, sesungguhnya Allah bersama kita». Maka Allah menurunkan ketenangan kepadanya (Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan

الَّذِينَ آمَنُوا فِي الْأَخِرَةِ فَمَا مَتَّعَ  
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا فِي الْأَخِرَةِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٣٨﴾

إِلَّا تَفِرُوا أَعَدَّ بَكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا  
وَيَسْتَبَدِّلُ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّهُ  
شَيْئًا وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ  
أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِي اثْنَيْنِ إِذْ  
هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ  
لَا تَحْزَنْ إِنَّا نَرَى اللَّهَ مَعًا فَأَنْزَلَ اللَّهُ  
سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُودٍ لَمْ  
تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ  
كَفَرُوا السُّفْلَىٰ وَكَلِمَةَ اللَّهِ هِيَ  
الْعُلْيَا وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾

1 Abu Bakar As Siddiq r.a.

tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang kafir terkebawah, dan Kalimah Allah (Islam) yang tertinggi kerana Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

41. Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah) sama ada dengan keadaan ringan atau pun dengan keadaan berat<sup>(1)</sup> dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah. Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.

42. Kalau apa yang engkau serukan kepada mereka suatu keuntungan yang mudah dicapai dan satu perjalanan yang sederhana, pasti mereka (yang munafik itu) akan mengikutmu tetapi tempat yang hendak dituju itu jauh bagi mereka. Mereka akan bersumpah dengan nama Allah dengan berkata: «Kalau kami mampu, pasti kami akan pergi bersama kamu». (Dengan sumpah dusta itu) mereka membinasakan diri mereka sendiri, sedangkan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya mereka itu orang yang berdusta.

43. Allah memaafkanmu (wahai Muhammad), mengapa engkau

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا  
بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا  
لَاتَّبَعُوكَ وَلَٰكِنْ بَعَدَتْ عَلَيْهِمُ  
الْشُّقَّةُ وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوْ آسَظَعْنَا  
لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنْفُسَهُمْ وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٤٢﴾

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَّبِعَكَ  
الَّذِينَ صَدَقُوا وَقَالُوا الْمَكِيدِينَ ﴿٤٣﴾

1 Iaitu sama ada dalam keadaan susah atau senang.

mengizinkan mereka (tidak turut berperang) sebelum nyata bagimu orang yang benar dan (sebelum) engkau mengetahui orang yang berdusta?

44. Orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang yang bertaqwa.
45. Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat serta hati mereka (sangat) ragu-ragu. Oleh itu mereka sentiasa bingung dalam keraguannya.
46. Dan kalaulah mereka mahu keluar (untuk turut berperang), pasti mereka menyediakan persiapan untuknya tetapi Allah tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkanNya semangat mereka dan dikatakan (oleh syaitan): «Tinggallah kamu bersama-sama orang yang tinggal<sup>(1)</sup>».
47. (Jika) mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu kecuali kerosakan dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah

لَا يَسْتَعِدُّنَا الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنْفُسِهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿٤٤﴾

إِنَّمَا يَسْتَعِدُّنَا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَرْزَأَتْ قُلُوبُهُمْ فِئْتَمٌ  
رَبِّهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾

﴿وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَعَدُوْا لَهُ عَدَّةً  
وَلَكِنْ كَرِهَ اللَّهُ نِيَعَانَهُمْ فَتَطَهَّرَهُمْ وَقِيلَ  
أَقْعُدُوا مَعَ الْفَاعِلِينَ ﴿٤٦﴾﴾

لَوْ خَرَجُوا فِيكُمْ مَا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا  
وَلَا ضَعُفًا وَلَا خِلَالًا لَكُمْ يَتَّبِعُونَكُمُ الْفِتْنَةَ  
وَفِيكُمْ سَمَّاعُونَ لَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
بِالظَّالِمِينَ ﴿٤٧﴾

1 Orang yang tidak pergi berperang bersama-sama Rasulullah s.a.w.

di kalangan kamu sedang ada di antara kamu orang yang suka mendengar hasutan mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui orang yang zalim.

48. Sesungguhnya mereka telah melakukan fitnah sejak dahulu lagi dan mereka merancangkan terhadapmu pelbagai tipu daya, sehingga datang kebenaran dan nyata (kemenangan) agama Allah (Islam), sedang mereka tidak menyukainya.
49. Dan antara mereka (yang munafik itu) ada yang berkata: «Izinkanlah aku (supaya tidak pergi berperang) dan janganlah engkau jadikan aku dipengaruhi oleh fitnah<sup>(1)</sup>». Ketahuilah, mereka telah pun terjerumus ke dalam fitnah. Sesungguhnya azab Jahannam pasti meliputi orang yang kafir.
50. Jika engkau mendapat sesuatu kebaikan, (maka) kebaikan itu menyebabkan mereka sakit hati dan jika engkau ditimpa sesuatu bencana, mereka berkata: «Sesungguhnya kami telah pun mengambil keputusan (tidak turut berperang) sebelum itu» dan mereka berpaling (meninggalkanmu) sambil mereka bergembira.

لَقَدْ ابْتَغَوْا الْفِتْنَةَ مِنْ قَبْلُ وَقَالُوا لَكَ  
الْأُمُورَ حَتَّىٰ جَاءَ الْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ اللَّهِ  
وَهُمْ كَارِهُونَ ﴿٤٨﴾

وَمِنْهُمْ مَن يَقُولُ أَدْنَىٰ مِنِّي وَلَا تَحْتَسِبُ  
الْإِنْفِ الْفِتْنَةَ سَقَطُوا وَإِن جَهَنَّمَ  
لَمَحِيظَةٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿٤٩﴾

إِن نُّصِبَكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن  
نُّصِبَكَ مُصِيبَةٌ يَقُولُوا قَدْ أَخَذْنَا  
أَمْرَنَا مِنْ قَبْلُ وَسَوَّأُوا وَهُمْ قَرِحُونَ ﴿٥٠﴾

1 Mereka akan binasa disebabkan sumpah mereka yang palsu itu.

51. Katakanlah: «Tidak sama sekali akan menimpa kami sesuatu pun kecuali apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami dan kepada Allah jualah orang yang beriman bertawakal».
52. Katakanlah: «(Sebenarnya) tidak ada yang kamu tunggu-tunggu untuk kami kecuali salah satu daripada dua perkara yang sebaik-baiknya<sup>(1)</sup> dan kami menunggu-nunggu pula untuk kamu bahawa Allah akan menimpakan kamu dengan azab dari sisiNya atau dengan perantaraan tangan kami. Oleh itu tunggulah! Sesungguhnya kami juga menunggu bersama-sama kamu».
53. Katakanlah: «Dermakanlah harta kamu sama ada dengan sukarela atau terpaksa, (derma itu) tidak sama sekali akan diterima daripada kamu (kerana) sesungguhnya kamu adalah orang yang fasiq».
54. Dan tidak ada yang menghalangi mereka untuk diterima derma mereka kecuali kerana mereka kufur kepada Allah dan RasulNya serta mereka tidak mendirikan solat kecuali dengan keadaan malas dan mereka pula tidak mendermakan hartanya kecuali dengan perasaan benci.

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا  
هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ  
الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

قُلْ هَلْ تَرْتَضُونَ بِنَا إِلَّا إِحْدَى الْحُسَيْنَيْنِ  
وَخَيْرَ نَرْتَضُ بِكُمْ أَنْ يُصِيبَكُمُ اللَّهُ  
بِعَذَابٍ مِنْ عِنْدِهِ أَوْ بَأْيَدِنَا فَرْتَضُوا  
إِنَّا مَعَكُمْ مُتَرْتَضُونَ ﴿٥٢﴾

قُلْ أَنْفِقُوا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا لَنْ يُتَقَبَلَ  
مِنْكُمْ إِذَا كُمْ كُنْتُمْ قَوْمًا  
فَاسِقِينَ ﴿٥٣﴾

وَمَا مَنَعَهُمْ أَنْ تُقَبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَتُهُمْ  
إِلَّا أَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَلَا  
يَأْتُونَ الصَّلَاةَ إِلَّا وَهُمْ كَسَالَى  
وَلَا يُنْفِقُونَ إِلَّا وَهُمْ كَارِهُونَ ﴿٥٤﴾

1 iaitu kemenangan atau mati syahid.



55. Oleh itu, janganlah engkau merasa kagum dengan harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya Allah hanya hendak menyiksa mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka berkeadaan kafir (untuk mendapat azab akhirat pula).
56. Dan mereka (yang munafik itu) bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya mereka daripada golongan kamu, sedangkan mereka bukanlah daripada golongan kamu tetapi mereka ialah kaum yang pengecut.
57. Kalau mereka mendapat tempat perlindungan atau gua-gua atau lubang-lubang dalam tanah, pasti mereka segera menuju ke arahnya serta melompat masuk ke dalamnya.
58. Dan antara mereka ada yang mencacimu mengenai (pembahagian) sedekah (zakat). Maka jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil) dan jika mereka tidak diberikan zakat itu (mengikuti kehendak mereka), (maka) dengan serta merta mereka marah.

فَلَا تَعْجَبْكَ أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ إِنَّمَا يُرِيدُ  
 اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا  
 وَتَزْهَقَ أَنْفُسُهُمْ وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿٥٥﴾

وَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنْكُمْ وَمَا هُمْ  
 بِمِنْكُمْ وَلَا يَحْتَسِبُونَ ﴿٥٦﴾

لَوْ يَخْتَفُونَ مَلَجًا أَوْ مَغْرَبًا أَوْ مَدَخَلًا  
 لَوَلَّوْا إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾

وَمِنْهُمْ مَن يَلْمُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ  
 أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا إِذَا  
 هُمْ يَبْسُخَطُونَ ﴿٥٨﴾

59. Dan (amatlah baik) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka, sambil mereka berkata: «Cukuplah Allah bagi kami. Allah akan memberikan kami kurniaanNya, demikian juga RasulNya, sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah».
60. Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, para muallaf yang dijinakkan hatinya<sup>(1)</sup>, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan musafir (yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datang) daripada Allah. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
61. Dan antara mereka (yang munafik itu) ada yang menyakiti Nabi sambil mereka berkata: «Bahawa dia (Muhammad) orang yang suka mendengar (dan percaya pada apa yang didengarnya)». Katakanlah: «Dia mendengar apa yang baik bagi kamu, dia beriman kepada Allah, dia percaya kepada orang mukmin dan dia pula menjadi rahmat bagi orang yang

وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ سَيُؤْتِينَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ ﴿٥٩﴾

﴿٥٩﴾ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ فُلُوهُنَّ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَامِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَنَّ السَّبِيلَ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

وَمِنْهُمْ الَّذِينَ يُؤَدُّونَ النَّبِيَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أذنٌ قُلْ أذنٌ خَيْرٌ لَّكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةٌ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ يُؤَدُّونَ رَسُولَ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦١﴾

1 Orang yang baru memeluk agama Islam.

beriman di antara kamu». Orang yang menyakiti Rasulullah itu bagi mereka azab yang amat pedih.

62. Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredaan kamu sedangkan Allah dan RasulNya jualah yang lebih berhak mereka mendapat keredaanNya, jika betul mereka orang yang beriman.
63. Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya disediakan baginya neraka Jahannam serta dia kekal di dalamnya? Balasan yang demikian adalah kehinaan yang besar.
64. Orang munafik itu takut kalau diturunkan satu surah al-Quran yang menerangkan kepada mereka tentang apa yang ada dalam hati mereka (daripada kekufuran). Katakanlah: «Persendakanlah (sebanyak mana yang kamu suka), sesungguhnya Allah akan mendedahkan apa yang kamu takutkan».
65. Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang sendaan itu) tentulah mereka akan menjawab: «Sesungguhnya kami hanya bergurau dan bermain-main». Katakanlah: «Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu persendakan?»

يَخْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمُ لِيُرْضَوْكُمْ وَاللَّهُ  
وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضَوْهُ إِنْ كُنْتُمْ  
مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

أَلَمْ يَعْمَوْا أَنَّهُ مَنْ يُحَادِدِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
قَاتَبَ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا  
ذَلِكَ الْخِزْيُ الْعَظِيمُ ﴿٦٣﴾

يَحْذَرُ الْمُنَافِقُونَ أَنْ تُنزَلَ عَلَيْهِمْ  
سُورَةٌ تُذَيِّبُهُمْ إِمَّا فِي قُلُوبِهِمْ أَوْ  
إِن بَالِ اللَّهِ مُخْرِجٌ مَا تَحْذَرُونَ ﴿٦٤﴾

وَلَيْتَ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا  
لُحُوضًا وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَآيَاتِهِ  
وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾

66. Janganlah kamu berdalih kerana sesungguhnya kamu telah kufur selepas kamu beriman. Jika Kami memaafkan satu kumpulan daripada kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyeksa kumpulan yang lain kerana mereka adalah orang yang berdosa.
67. Orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagiannya adalah sama dengan sebahagian yang lain. Masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat dan melarang daripada perbuatan yang baik serta mereka pula menggenggam tangan mereka<sup>(1)</sup>. Mereka telah melupakan Allah, maka Allah juga melupakan mereka. Sesungguhnya orang munafik itu, merekalah orang yang fasiq.
68. Allah menjanjikan orang munafik lelaki dan perempuan serta orang kafir dengan neraka Jahannam, mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu menjadi balasan mereka. Allah melaknat mereka dan bagi mereka azab yang kekal.
69. (Keadaan kamu kaum munafik) adalah sama dengan nasib orang yang sebelum kamu, mereka lebih kuat serta lebih banyak harta benda dan anak pinak daripada

لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنَّ  
تَعَفُّوْا عَنْ طَآئِفَةٍ مِّنْكُمْ نَعْدِبُ طَآئِفَةً  
بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُم مِّن  
بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ  
أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ  
الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٦٧﴾

وَعَدَّ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتُ  
وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا  
هِيَ حَسْرَتُهُمْ وَلَعْنَةُ اللَّهِ وَلَهُمْ  
عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٦٨﴾

كَالَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ كَانُوا أَشَدَّ مِّنْكُمْ قُوَّةً  
وَآكْفَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا فَاسْتَمْتَعُوا  
بِخَلْقِهِمْ فَاسْتَمْتَعْتُمْ بِخَلْقِكُمْ  
كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

1 Berlaku kedekut.

kamu. Mereka telah menikmati bahagian mereka manakala kamu pula telah menikmati bahagian kamu sebagaimana orang yang sebelum kamu itu menikmati bahagiannya. Kamu pula telah memperkatakan (perkara yang salah dan dusta) sebagaimana mereka memperkatakannya. Mereka yang demikian itu, binasalah amalan mereka di dunia dan di akhirat. Mereka itulah orang yang rugi.

70. Apakah tidak sampai kepada mereka berita orang yang terdahulu daripada mereka, iaitu kaum Nuh, Aad, Thamud, kaum Ibrahim dan penduduk negeri Madyan serta negeri-negeri yang telah dibinasakan<sup>(1)</sup>? Telah datang kepada mereka, para rasul dengan membawa bukti yang nyata, (lalu mereka mendustakannya dan Tuhan pun membinasakan mereka). Allah tidak sama sekali menzalimi mereka tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri.

71. Orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi pelindung kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh melakukan kebaikan, melarang daripada melakukan

بَخَلْفَتِهِمْ وَخُضَّتُمْ كَالَّذِي خَاصُوا  
أُولَئِكَ حِطَّتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٦٩﴾

أَلَمْ يَأْتِهِمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَوْمِ  
نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَقَوْمِ إِبْرَاهِيمَ  
وَأَصْحَابِ مَدْيَنَ وَالْمُؤْتَفِكَاتِ أَتَتْهُمْ  
رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُظْلَمَهُمْ  
وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٧٠﴾

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ  
بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ

1 'Aad ialah kaum nabi Hud a.s; Thamud ialah kaum nabi Soleh a.s; penduduk Madyan ialah kaum nabi Syu'aib a.s dan penduduk negeri yang telah musnah ialah kaum nabi Lut a.s.

kejahatan, mendirikan solat dan menunaikan zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan dirahmati oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

72. Allah menjanjikan orang yang beriman lelaki dan perempuan dengan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya dan mendapat tempat yang baik di dalam “Syurga Adn<sup>(1)</sup>” serta keredaan daripada Allah yang lebih besar kemuliaannya. Yang demikian itulah kejayaan yang besar.
73. Wahai nabi, berjihadlah menentang orang kafir dan orang munafik serta bertindak keraslah terhadap mereka. Tempat mereka ialah neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.
74. Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), sedangkan sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur dan mereka pula menjadi kafir selepas Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya<sup>(2)</sup>. Tidaklah mereka mencaci dan mencela

الرَّكَوَّةَ وَيَطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَمَسَاكِينٍ طَيِّبَةِ فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ وَرِضْوَانٍ مِنَ اللَّهِ أَكْبَرَ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ جُحِدَ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَعَظَمَ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَيَسَّ الْأَمْصِيرُ ﴿٧٣﴾

يَخْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةَ الْكُفْرِ وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ وَهُمْ وَايْمَانًا لَمْ يَبْتَلُوا وَمَا نَفَعُوا إِلَّا أَنْ أُغْنَاهُمْ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ فَضْلِهِ فَإِنْ يَتُوبُوا يَكُ خَيْرًا لَهُمْ وَإِنْ يَتُوبُوا يَعِدْهُمْ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

1 Salah satu daripada nama syurga.

2 Iaitu membunuh Rasulullah s.a.w.

(Islam) kecuali selepas Allah dan RasulNya memberi kesenangan kepada mereka daripada kurniaanNya. Oleh itu, jika mereka bertaubat, itu adalah lebih baik bagi mereka dan jika mereka berpaling, Allah akan menyeksa mereka dengan azab yang sangat pedih di dunia dan di akhirat serta mereka tidak akan mendapati sesiapa pun di bumi ini yang akan menjadi pelindung dan juga penolong.

75. Dan antara mereka ada yang berjanji dengan Allah seraya berkata: “Sesungguhnya jika Allah memberikan kami kurniaanNya, pasti kami akan bersedekah dan pasti kami menjadi orang yang soleh”.
76. Ketika Allah memberikan mereka kurniaanNya, mereka bakhil dengan kurniaan Allah itu serta mereka berpaling daripada janji mereka. Sememangnya mereka orang yang sentiasa menentang<sup>(1)</sup>.
77. Akibatnya Allah menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka hingga hari mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah dan juga kerana mereka sentiasa berdusta.

﴿ وَمِنْهُمْ مَّنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِن آتَيْنَاهُم مِّن فَضْلِهِ لَتَصَّدَّقَنَّ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴾ ٧٥

﴿ فَلَمَّ آتَاهُمْ مِّن فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِ وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴾ ٧٦

﴿ فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِم إِلَى يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴾ ٧٧

1 kebajikan.

78. Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah sentiasa mengetahui apa yang mereka rahsiakan serta apa yang mereka bisikkan dan bahawasanya Allah Maha Mengetahui perkara yang ghaib?
79. Orang (munafik) yang mencela sebahagian daripada orang yang beriman mengenai sedekah yang mereka berikan dengan sukarela dan (mencela) orang yang tidak dapat (mengadakan apa-apa untuk disedekahkan) kecuali sekadar kemampuannya serta mereka menghina. Allah akan membalas penghinaan mereka dan bagi mereka (disediakan) azab yang pedih.
80. (Orang munafik itu) sama sahaja jika engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekali pun) maka Allah tidak sama sekali akan mengampunkan mereka. Demikian itu kerana mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya dan Allah tidak akan memberi hidayah kepada kaum yang fasiq.
81. Orang yang ditinggalkan<sup>(1)</sup> itu bergembira disebabkan mereka tinggal di belakang Rasulullah (di Madinah). Mereka tidak suka berjihad dengan harta benda dan

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ  
وَنَجْوَاهُمْ وَأَنَّ اللَّهَ عَالِمُ الْغَيْبِ ﴿٧٨﴾

الَّذِينَ يَلْمِزُونَ الْمُطَّوِّعِينَ مِنَ  
الْمُؤْمِنِينَ فِي الصَّدَقَاتِ وَالَّذِينَ لَا  
يَجِدُونَ إِلَّا لَجْمَهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ  
سَخِرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

اسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرْ  
لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ  
يَأْتِيهِمْ كَقُرْءَانٍ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ  
لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٨٠﴾

فَرِحَ الْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ  
وَكَرِهُوا أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ لَمْ يَنْفِرُوا فِي الْحَرِّ قُلَّ  
نَارِهِمْ أَشَدُّ حَرًّا لَوْ كَانُوا يَفْقَهُونَ ﴿٨١﴾

1 orang yang tidak turut berperang.



jiwa mereka pada jalan Allah dan mereka pula (menghasut dengan) berkata: “Janganlah kamu keluar beramai-ramai (untuk berperang) pada musim panas ini”. Katakanlah: “Api neraka Jahannam lebih panas membakar” kalaulah mereka itu orang yang memahami.

82. Maka biarkanlah mereka ketawa sedikit (di dunia ini) dan mereka akan banyak menangis (di akhirat kelak) sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan.
83. Maka jika Allah mengembalikanmu kepada segolongan daripada mereka (orang yang munafik) kemudian mereka meminta izin kepadamu untuk keluar (pergi berperang) maka katakanlah: “Kamu tidak akan keluar bersamaku selama-lamanya dan tidak akan memerangi musuh bersamaku. Sesungguhnya kamu telah bersetuju untuk tidak pergi (berperang) sejak awal lagi, maka duduklah kamu bersama orang yang tinggal<sup>(1)</sup>”.
84. Dan janganlah engkau solatkan seorang yang mati daripada kalangan orang munafik itu selama-lamanya dan janganlah engkau berdiri di (tepi) kuburnya (mendoakannya) kerana sesungguhnya mereka telah kufur

فَلْيَضْحَكُوا قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا كَثِيرًا جَزَاءً بِمَا  
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

فَإِنْ رَجَعَكَ اللَّهُ إِلَى طَائِفَةٍ مِّنْهُمْ  
فَأَسْتَدْثِقُواكَ لِلخُرُوجِ فَقُلْ لَنْ أَخْرُجُوا مَعِيَ  
أَبَدًا وَلَنْ نُّقَاتِلُوا مَعِيَ عَدُوًّا إِنَّكُمْ رَضِيتُمْ  
بِالْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَاقْعُدُوا مَعَ الْخَالِفِينَ ﴿٨٣﴾

وَلَا تَصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ  
عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَأْوَأُ  
وَهُمْ فَلْيَسْتَوْفُوا ﴿٨٤﴾

1 Orang yang tidak pergi berperang.

kepada Allah dan RasulNya dan mereka mati dalam keadaan fasiq (derhaka).

85. Dan janganlah engkau merasa kagum kepada harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya Allah hanya hendak menyeksa mereka dengannya di dunia dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut ketika mereka dalam keadaan kafir.
86. Dan apabila diturunkan satu surah al-Quran (yang menyuruh mereka): “Berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah bersama-sama dengan RasulNya” pasti orang yang kaya di antara mereka meminta izin kepadamu dengan berkata: “Biarkanlah kami tinggal bersama-sama orang yang tinggal (tidak turut berperang)”.
87. Mereka suka tinggal bersama-sama orang yang ditinggalkan (kerana uzur) dan (dengan sebab itu) hati mereka telah tertutup sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu.
88. (Mereka tetap tinggal) tetapi Rasulallah dan orang yang beriman bersamanya berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. Mereka itulah orang yang mendapat kebaikan dan mereka itulah juga orang yang berjaya.

وَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَالُهُمْ وَأَوْلَادُهُمْ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ  
 أَنْ يُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الدُّنْيَا وَتَرْهَقَ أَنْفُسُهُمْ  
 وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿٨٥﴾

وَإِذَا أَنْزَلْنَا سُورَةً أَنْ آمَنُوا بِاللَّهِ وَجَّهَدُوا  
 مَعَ رَسُولِهِ اسْتَأْذَنَّاكَ أَوْ لَوْ أَلْطَوْنَا مِنْهُمْ  
 وَقَالُوا ذَرْنَا نَكُنْ مَعَ الْقَاعِدِينَ ﴿٨٦﴾

رَضُوا بِأَنْ يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَى  
 قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٨٧﴾

لَكِنَّ الرُّسُولَ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ  
 جَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ وَأَوْلِيَّتِكَ  
 لَهُمْ الْخَيْرَاتُ وَأَوْلِيَّتِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨٨﴾

89. Allah telah menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar.
90. Dan datanglah pula orang yang mengemukakan alasan daripada orang “A'raab”<sup>(1)</sup> memohon supaya mereka diizinkan (tidak turut berperang), ketika orang (munafik di antara mereka) yang mendustakan Allah dan RasulNya duduk (mendiamkan diri). (Oleh itu) orang yang kafir di antara mereka akan dikenakan azab yang pedih.
91. Tidak ada dosa (kerana tidak pergi berperang) bagi orang yang lemah dan yang sakit serta yang tidak mempunyai sesuatu untuk dibelanjakan, apabila mereka ikhlas kepada Allah dan RasulNya. Tidak ada jalan sedikit pun bagi menyalahkan orang yang melakukan kebaikan dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
92. Dan tidak juga berdosa orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: “Aku tidak mempunyai kenderaan untuk membawamu”

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ذَلِكَ الْفَوْزُ  
الْعَظِيمُ ﴿٨٩﴾

وَجَاءَ الْمُعَذِّرُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ لِيُؤْذَنَ لَهُمْ  
وَقَعَدَ الَّذِينَ كَذَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ سَيُصِيبُ  
الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٠﴾

لَيْسَ عَلَى الضُّعَفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى  
الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يَنْفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا  
نَصَحُوا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ  
مِنْ سَبِيلٍ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٩١﴾

وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا اتَّوَكَّلْتَ لِتَحْمِلَهُمْ  
قُلْتَ لَا أُحْمِلُهُمُ عَلَيْهِمْ  
تَوَلَّوْا وَأَعْبُواهُمْ تَفْضِيلًا مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا  
الْأَلْيَدِ وَمَا يَنْفِقُونَ ﴿٩٢﴾

1 Ialah orang Arab Badwi iaitu orang Arab yang tinggal di padang pasir yang hidupnya selalu berpindah-randah.

mereka kembali sedangkan mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran kerana sedih disebabkan mereka tidak mempunyai sesuatu pun yang hendak mereka belanjakan<sup>(1)</sup>.

93. Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang yang meminta izin kepadamu sedangkan mereka kaya dan mampu. Mereka suka tinggal bersama-sama orang yang ditinggalkan dan (dengan sebab itu) Allah telah mengunci hati mereka sehingga mereka tidak mengetahui.
94. Mereka akan menyatakan alasannya kepada kamu apabila kamu kembali kepada mereka. Katakanlah: “Janganlah kamu mengemukakan alasan lagi, kami sama sekali tidak akan percaya kepada kamu. Kerana sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kami akan berita-beritamu dan Allah akan melihat pekerjaanmu (demikian juga) RasulNya. Kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia menyatakan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan”.
95. Mereka akan bersumpah dengan nama Allah kepada kamu apabila

﴿ إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَسْتَعِدُّونَكَ وَهُمْ أَعْيُنَاءُ رَضُوا بِأَنْ يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

يَعْتَدِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ قُلْ لَا تَعْتَدِرُوا لَنْ نُؤْمِنَ بِكُمْ قَدْ نَبَأْنَا اللَّهُ مِنْ آخِبَارِكُمْ وَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ يُرْتَدُّونَ إِلَىٰ عَلَيْهِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٤﴾

سَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ إِذَا انْقَلَبْتُمْ

1 Mereka bersedih hati kerana tidak mempunyai harta yang akan dibelanjakan dan kenderaan untuk membawa mereka pergi berjihad pada jalan Allah.

kamu kembali kepada mereka, agar kamu berpaling daripada mereka. Oleh itu, berpalinglah daripada mereka kerana sesungguhnya mereka itu berjiwa kotor dan tempat mereka ialah neraka Jahannam sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan.

96. Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu reda kepada mereka. Oleh itu jika kamu meredai mereka, maka sesungguhnya Allah tidak reda terhadap kaum yang fasiq.
97. Orang A'raab<sup>(1)</sup> lebih keras kufurnya dan sikap munafiknya serta sangat wajar mereka tidak mengetahui batas-batas<sup>(2)</sup> yang diturunkan oleh Allah kepada RasulNya. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
98. Dan sebahagian daripada orang A'raab itu memandang apa yang mereka belanjakan sebagai satu kerugian, sambil menunggu peredaran zaman (yang membawa bencana) menimpa kamu. Merekalah (yang akan ditimpa oleh) peredaran zaman yang buruk itu. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

إِلَيْهِمْ لِنُعْرِضُوا عَنْهُمْ فَأَعْرِضُوا عَنْهُمْ<sup>٩٥</sup>  
 إِنَّهُمْ رِجْسٌ وَمَا وَلَّوْهُمْ جَهَنَّمَ جَزَاءً بِمَا  
 كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٥﴾

يَخْلِفُونَ لَكُمْ لِتَرْضَوْا عَنْهُمْ فَإِن  
 تَرْضَوْا عَنْهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَرْضَىٰ عَنِ  
 الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ﴿٩٦﴾

الْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا  
 يَعْلَمُوا حُدُودَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ  
 وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ  
 مَغْرَمًا وَيَنْرَيْضُ بِكُمْ الدَّوَابِرَ عَلَيْهَا  
 دَائِرَةٌ السُّوءِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾

1 Orang Arab Badwi iaitu orang Arab yang tinggal di padang pasir yang hidupnya selalu berpindah-randah.

2 Hukum-hukum syarak.

99. Dan sebahagian daripada orang A'raab itu ada yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta memandang apa yang mereka dermakan (pada jalan Allah itu) sebagai amal bakti di sisi Allah dan sebagai (satu jalan untuk mendapat) doa daripada Rasulullah (yang membawa rahmat kepada mereka). Ketahuilah sesungguhnya apa yang mereka dermakan itu menjadi amal bakti bagi mereka (yang mendampingkan mereka kepada Allah). Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmatNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

100. Dan orang yang terdahulu iaitu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) daripada orang "Muhajirin<sup>(1)</sup>" dan "Ansar<sup>(2)</sup>" serta orang yang mengikuti mereka dengan kebaikan, Allah meredai mereka dan mereka pula meredaiNya. Allah juga menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selamanya. Itulah kemenangan yang besar.

101. Dan antara orang yang di sekeliling kamu daripada orang

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ قُرْبًا لِلَّهِ  
وَصَلَوَاتِ الرَّسُولِ أَلَّا يَأْتِيَهَا قُرْبَةً لَهُمْ  
سَيِّئًا خَالَهُمُ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ إِنَّ اللَّهَ  
عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٩٩﴾

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ  
وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ  
جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ  
فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

وَمِنَ حَوْلِكَ مِنَ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ

1 Penduduk Makkah yang berhijrah bersama-sama Rasulullah s.a.w ke Madinah.

2 Penduduk asal Madinah yang memberi perlindungan kepada orang Muhajirin.



104. Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah, Dialah yang menerima taubat daripada hamba-hambaNya serta menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalasnya) dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ  
عِبَادِهِ وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ  
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٤﴾

105. Dan katakanlah: “Beramallah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu lakukan, kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan”.

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ  
وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَيُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلِّيِّمٍ  
وَالشَّاهِدَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١١٥﴾

106. Dan segolongan yang lain<sup>(1)</sup> ditangguhkan keputusan mengenai mereka kerana menunggu perintah Allah sama ada Dia mengazabkan mereka atau pun Dia menerima taubat mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

وَالْآخَرُونَ مُرْجَوْنَ لِأَمْرِ اللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ  
وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٦﴾

107. Dan (antara orang munafik juga ialah) orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang Islam) dan (menguatkan) kekufuran (mereka sendiri) serta memecah-belahkan perpaduan orang yang beriman dan juga

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضُرَارًا  
وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ  
وَإِزْوَاجًا لِّلْعَنَانِ يَارَبَّ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ  
قَبْلُ وَيَحْلِفُونَ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَٰى  
وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١١٧﴾

1 Orang yang tidak turut berperang.



untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sebelum itu<sup>(1)</sup>. Mereka juga akan bersumpah dengan berkata: ”Tidak ada yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) kecuali untuk kebaikan semata-mata“. Sedangkan Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta.

**108.** Jangan engkau bersolat di masjid (yang dibina oleh orang munafik) itu selama-lamanya kerana sesungguhnya masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad) yang telah didirikan di atas dasar taqwa daripada awal (wujudnya) lebih patut engkau bersolat di situ. Di dalam masjid itu ada orang lelaki yang ingin menyucikan dirinya dan Allah mengasihi orang yang menyucikan diri mereka.

**109.** Maka adakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas dasar ketaqwaan kepada Allah dan (untuk mencari) keredaan Allah itu lebih baik atau orang yang

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا الْمَسْجِدَ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى  
مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ  
رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَّطَّهُرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ  
الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُيْتَهُ عَلَى تَقْوَى مِنَ اللَّهِ  
وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ أَمْ مَنْ أَسَّسَ بُيْتَهُ عَلَى  
شِقَاجِرٍ فِي هَارٍ فَأَنْهَارُ يَهْدِي فِي نَارٍ جَهَنَّمَ  
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾

1 Orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sejak dahulu ialah seorang pendeta Nasrani bernama Abu Amir ar-Rahib yang mereka menunggu-nunggu kedatangannya dari Syam untuk solat di masjid yang mereka dirikan itu, serta membawa tentera Romawi yang akan memerangi kaum muslimin. Namun Abu Amir telah mati di Syam sebelum tiba di Madinah. Masjid yang didirikan kaum munafik itu diruntuhkan atas perintah Rasulullah s.a.w berkenaan dengan wahyu yang diterimanya selepas kembali dari Peperangan Tabuk.

membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu binaannya itu runtuh bersama-samanya ke dalam api neraka? (Ingatlah) Allah tidak akan memberi hidayah kepada orang yang zalim.

- 110.** Binaan yang didirikan oleh mereka yang munafik itu sentiasa menjadikan hati mereka keluh-kesah (dan tidak akan hilang) kecuali (apabila) hati mereka hancur-luluh<sup>(1)</sup> (di dalam tanah). (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
- 111.** Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang yang beriman jiwa dan harta benda mereka dengan memberikan mereka syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah lalu ada antara mereka yang membunuh dan terbunuh. Itu sebagai janji benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam Taurat dan Injil serta al-Quran dan siapakah lagi yang lebih sempurna janjinya selain daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jualan yang kamu lakukan itu, itulah kemenangan yang besar.
- 112.** (Iaitu): orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji

لَا يَزَالُ بُنِيَ لَهُمُ الَّذِي بَنَوْا رِبَةً فِي  
فُلُوبِهِمْ إِلَّا أَنْ تَقَطَّعَ فُلُوبُهُمْ وَاللَّهُ  
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٠﴾

﴿ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ  
وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي  
سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا  
عَلَيْهِمْ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ  
وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ  
فَأَسْتَبْشِرُوا بَبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ  
وَذَلِكَ هُوَ الْقَوْلُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ

1 Apabila perasaan mereka telah lenyap. Ada pula yang mentafsirkan bahawa apabila mereka tidak dapat bertaubat lagi.

Allah, yang mengembara<sup>(1)</sup>, yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh melakukan kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Gembirakanlah orang yang beriman (yang bersifat demikian).

- 113.** Tidaklah dibenarkan bagi nabi dan orang yang beriman meminta ampun bagi orang musyrik, sekali pun orang itu kaum kerabat sendiri, selepas nyata bagi mereka bahawa orang musyrik itu adalah penghuni neraka.
- 114.** Dan istighfar (permohonan ampun) Ibrahim bagi bapanya tidak dibuat kecuali kerana adanya ikrar yang dijanjikan kepada bapanya. Tetapi apabila ternyata kepada Ibrahim bahawa bapanya musuh bagi Allah dia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Ibrahim itu lembut hatinya lagi penyantun.
- 115.** Dan Allah tidak sama sekali menjadikan sesuatu kaum itu sesat selepas Dia memberi hidayah kepada mereka, sehinggalah Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka wajib memelihara diri daripadanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan setiap sesuatu.

الْمَسْكُونَاتِ الرَّكُوعَاتِ  
الْمَسْجُودَاتِ الْأَمْرُوتِ بِالْمَعْرُوفِ  
وَالنَّهْيَاتِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَيُّطُونَ  
لِيُحَدِّدَ اللَّهُ وَبَيِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٣﴾

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَنْ  
يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا  
أُولَىٰ قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ  
أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾

وَمَا كَانَ اسْتِغْفَارُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا  
عَنْ مَوْعِدَةٍ وَعَدَّهَا أَيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ  
أَنَّهُ عَدُوٌّ لِلَّهِ تَبَرَّأ مِنْهُ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ لَأَوَّاهٌ  
حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًا بَعْدَ إِذْ  
هَدَاهُمْ حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُمْ مَا يَتَّقُونَ إِنَّ  
اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

1 untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam.

**116.** Sesungguhnya Allah jualah yang menguasai kerajaan langit dan bumi. Dia menghidupkan dan mematikan serta tidak ada bagi kamu sesiapa pun selain daripada Allah yang menjadi pelindung dan penolong.

**117.** Sesungguhnya Allah telah menerima taubat nabi dan orang Muhajirin<sup>(1)</sup> serta Ansar<sup>(2)</sup> yang mengikutnya (berjuang) dalam masa kesukaran selepas hampir-hampir terpesong hati segolongan daripada mereka (daripada mengikut nabi untuk berjuang) lalu Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Belas Kasihan lagi Maha Mengasihani terhadap mereka.

**118.** Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang<sup>(3)</sup> yang ditanggihkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan) dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung kesedihan) serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari daripada (kemurkaan) Allah kecuali (kembali bertaubat) kepadaNya, kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima

إِنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ  
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ اللَّهِ  
مِن وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١١٦﴾

لَقَدْ تَابَ اللَّهُ عَلَى النَّبِيِّ وَالْمُهَاجِرِينَ  
وَالْأَنْصَارِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ الْعُسْرَةِ  
مِن بَعْدِ مَا كَاد يَازِغُ قُلُوبَ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ  
ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ إِنَّهُ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خَلَفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ  
عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ  
أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا  
إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ  
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

1 Penduduk Makkah yang berhijrah bersama-sama Rasulullah s.a.w ke Madinah.

2 Penduduk asal Madinah yang memberi perlindungan kepada orang Muhajirin.

3 Iaitu Ka'ab bin Malik, Hilal bin Umayyah al-Waqifi dan Murarah bin ar-Rabi' al-Amiri. Mereka disalahkan kerana tidak mahu ikut berperang.

taubat mereka agar mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.

- 119.** Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu bersama-sama orang yang benar.
- 120.** Adalah tidak patut sekali bagi penduduk Madinah dan orang ‘A’raab<sup>(1)</sup> mengelak diri dari mengikuti Rasulullah (turut berperang) dan tidak patut mereka lebih mengasahi diri mereka sendiri daripada mengasahi Rasulullah. Yang demikian kerana sesungguhnya mereka tidak merasai dahaga, kepayahan, penat lelah dan juga kelaparan (dalam perjuangan) di jalan Allah, mereka tidak menjejaki sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang kafir serta tidak menimpakan suatu bencana kepada musuh kecuali semuanya itu ditulis bagi mereka sebagai satu amal kebaikan. Sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang yang melakukan kebaikan.
- 121.** Dan tidak pula mereka menginfakkan sesuatu perbelanjaan yang kecil atau yang besar dan mereka tidak melintasi sesuatu lembah kecuali ditulis

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا  
مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ  
مِنَ الْأَعْرَابِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ  
اللَّهِ وَلَا يَرْعَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ  
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا  
نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا  
يَطْؤُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا  
يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ  
بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَعْمَالَ  
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نفقة صغيرة ولا كبيرة  
وَلَا يَقْطَعُونَ وادياً إلا كُتِبَ لَهُمْ  
لِجَزئِهِمُ اللَّهُ أَحْسَنُ مَا كَانُوا  
يَعْمَلُونَ ﴿١٢١﴾

1 Ialah orang Arab Badwi iaitu orang Arab yang tinggal di padang pasir yang hidupnya selalu berpindah-randah.

pahala bagi mereka supaya Allah membalas dengan balasan yang lebih baik daripada apa yang mereka telah lakukan.

122. Dan tidak (sepatutnya) orang yang beriman semuanya keluar (pergi berperang). Maka hendaklah keluar sebahagian sahaja daripada setiap puak di antara mereka agar orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut oleh agama dan agar mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila mereka kembali kepadanya. Semoga mereka berwaspada (daripada melakukan larangan Allah).

123. Wahai orang yang beriman! Perangilah orang kafir yang berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka merasai sikap kekerasan (ketegasan yang ada pada kamu dalam menegakkan agama Allah). Ketahuilah sesungguhnya Allah bersama orang yang bertaqwa.

124. Dan apabila diturunkan sesuatu surah (daripada al-Quran) maka di antara mereka ada yang bertanya: “Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?” Ada pun orang yang beriman, maka surah itu menambahkan keimanan mereka sedang mereka bergembira.

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً ۚ قُلُوا لَا نَفَر مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾<sup>(١٢٢)</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُمْ مِنَ الْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا فِيكُمْ غِلظَةً ۚ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ﴾<sup>(١٢٣)</sup>

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ فَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ ۚ يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّا أَنزَلْنَاهَا قُرْآنًا وَلِيُبَيِّنَ لَكُمْ آيَاتِنَا وَلِيَذَكِّرَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ﴾<sup>(١٢٤)</sup>

125. Adapun orang yang ada penyakit<sup>(1)</sup> dalam hati mereka maka al-Quran itu menambahkan lagi kekotoran yang ada pada mereka dan mereka mati ketika mereka dalam keadaan kafir.
126. Dan tidakkah mereka perhatikan bahawa mereka diuji<sup>(2)</sup> pada setiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak juga bertaubat serta mereka tidak pula mahu mengambil peringatan?
127. Dan apabila diturunkan satu surah daripada al-Quran sebahagian mereka memandang kepada sebahagian yang lain sambil berkata: “Adakah sesiapa (daripada kaum muslimin) yang melihat kamu? Kemudian mereka pun pergi. Allah memalingkan hati mereka (daripada iman) disebabkan mereka kaum yang tidak (mahu) memahami.
128. Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul daripada golongan kamu sendiri (iaitu Muhammad s.a.w), terasa berat olehnya penderitaan yang kamu alami, (dia) sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, sangat belas lagi penyayang kepada orang yang beriman.

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ  
رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ  
كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

أَوَلَا يَذَّكَّرُونَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ  
عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ  
وَلَا هُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

وَإِذَا مَا أَنْزَلْنَا سُورَةً تَنْظَرُ بَعْضُهُمْ  
إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَىٰكُمْ مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ  
أَنْصَرَفُوا صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ بِأَنَّهُمْ  
قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ  
عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ  
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

1 penyakit kufur, nifaq dan sebagainya.

2 Ujian di sini ialah musibah-musibah yang menimpa mereka seperti terbukanya rahsia tipu daya mereka, pengkhianatan mereka dan sifat mereka yang menyalahi janji.

129. Kemudian jika mereka berpaling, maka katakanlah: “Cukuplah Allah bagiku, tiada Tuhan selain Dia. KepadaNya aku berserah diri dan Dialah yang mempunyai Arasy<sup>(1)</sup> yang agung.”

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَعَلَّ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ  
الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

1 Singgahsana.